

**Fungsi Elemen Grafik Yang Terdapat
Pada Aspek-Aspek Formal Dalam Seni Pop
Di Malaysia**

Oleh :
Shamsuddin Bin Mohamed Safian
92593846

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Seni Lukis dan Seni Reka
Institut Teknologi Mara sebagai memenuhi sebahagian
daripada keperluan Diploma Seni Lukis dan Seni Reka .

Dekan
Kajian Seni Lukis Dan Seni Reka
Institut Teknologi Mara
40450 I.T. M Shah Alam

PENGHARGAAN

Bismillah *rahman* *rahim*

Alhamdulillah dengan izin Allah terpancar segala Nur impian kurniaanNya dapat penulis menghasilkan tesis ini. Bagi penulis ia begitu bernilai dalam pengetahuan dan pengalaman baru. Daripada penulisan dan kaji selidik, diharapkan ia dapat memberi manfaat pada diri dan masyarakat amnya.

Meski pun begitu ia menjadi nostalgia terhadap diri penulis atas dugaan - dugaan yang mencabar kesabaran penulis, seterusnya setinggi terima kasih kepada pensyarah Jabatan Seni Reka Grafik iaitu YM Raja Zahabuddin Raja Yaakub , selaku penasihat yang disanjung di atas tunjuk ajar, nasihat dan curahan pengalaman yang paling berharga kepada penulis Begitu juga kepada individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Ucapan terima kasih kepada pensyarah - pensyarah di Jabatan Seni Grafik dan Seni halus kerana peranan mereka yang begitu besar dalam menghasilkan tesis ini.

Penghargaan juga diberikan kepada pihak Galeri KSSR, Galeri Shah Alam , Galeri Seni kedah, Balai Seni Lukis Negara, Perpustakaan Kedah ,Perpustakaan Shah Alam dan Perpustakaan Negara.

PENDAHULUAN

Visual dalam seni grafik lebih kepada nilai-nilai komersial seperti barang-barang (packaging), majalah, poster iklan dan lain-lain. Seni grafik juga berkomunikasi dengan masyarakat untuk menerangkan sesuatu yang membawa kegunaan kepada masyarakat.

Seni pop berkomunikasi tentang nilai-nilai kemanusiaan, dalam berkongsi perasaan. Ia lebih kepada apresiasi diri dan apresiasi masyarakat.

Walaupun seni pop lebih mementingkan nilai-nilai estetik, namun ia masih menitikberatkan nilai-nilai komunikasi kerana apa yang ditonjolkan banyak menggunakan elemen-elemen grafik yang dapat memudahkan lagi cara komunikasi dengan masyarakat dengan lebih mudah dan tepat.

Tidak juga dinafikan bahawa seni pop hampir sama dengan grafik kerana ia banyak menunjuk dan mengambil setiap fungsi elemen grafik sebagai alat penyampaian maksud dan maklumat. Cuma ia berbeza dari segi nilai estetik dan lebih kepada nilai apresiasi diri dan apresiasi masyarakat.

Seni pop juga memberi tumpuan utama kepada isu-isu semasa yang sedang popular dan diketahui umum dimana ia mendapat perhatian yang agak membanggakan.

Penghargaan.

Pendahuan.

Sinopsis.

Skop kajian.

Hipotesis.

Bab 1

1.1 Pengenalan.	1
1.2 Definisi Seni Oleh Sejarahwan Seni.	7
1.2.1 Kesenian dalam kehidupan manusia sejagat .	9
1.2.2 Pembahagian Seni.	12
1.3 Definisi Seni reka grafik.	13
1.4 Perkembangan Seni Reka Grafik Di Malaysia.	15

Bab 2

2.1 Definisi Seni Pop.	20
2.2 Seni Pop Di Malaysia.	21
2.2.1 Ibrahim Hussin	24
2.2.2 Joseph Taan.	32
2.3 Generasi Seni Pop Tahun 80an-90an.	35
2.4 Sejarah Awal Seni Pop.	38
2.5 Seni Pop Di Amerika	44
3.5.1 Andy Warhol.	48
2.6 Seni Pop Di Englaand.	52

PENGENALAN

Menurut ‘Teori Perinsip Peniruan Plato’, Karya yang paling baik mestilah mengandungi semua unsur-unsur keindahan, kebenaran dan kebijaksanaan yang datang daripada kebaikan.*¹ Dengan erti kata lain, karya yang paling baik adalah karya yang mengandungi aspek moral.

Unsur-unsur yang terdapat di dalam seni pop digabungkan melalui unsur-unsur grafik dan nilai-nilai estetik. Gabungan ini telah wujudkan satu seni yang dipanggil ‘seni pop’. Ini boleh mencerminkan tahap pemikiran dan keadaan sesebuah masyarakat kerana penceritaan di dalam sesebuah karya seni pop merupakan kisah-kisah yang biasa berlaku pada masyarakat. Dengan sebab itulah timbulnya berbagai-bagai elemen-elemen yang disesuaikan untuk imej pada satu-satu isu tersebut.

Pengkarya-pengkarya seni pop cuba mengolah elemen-elemen yang ada dan digabungkan dengan seni visual. Ini kerana ia dapat menimbulkan kesan moral, estetik dan kreativiti untuk berkomunikasi dengan masyarakat.

*1 Plato. Prinsip Peniruan. History of Art.